


Wajib PhD

>Syarat itu cukup relevan bagi meningkatkan imej pensyarah IPT sebagai pemangkin bidang pendidikan tinggi negara setanding universiti dunia



FOKUS

>>Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@hmetro.com.my

SEJAJAR usaha memartabatkan bidang pendidikan tinggi negara, pensyarah di institusi pengajian tinggi disyaratkan mempunyai kelayakan doktor falsafah (PhD).

Syarat itu sebagai satu dasar cukup relevan bagi meningkatkan imej golongan itu sebagai pemangkin bidang pendidikan tinggi negara setanding institusi antarabangsa.

Bagaimanapun, segelintir pihak menganggap ia sebagai satu diskriminasi kerja terutama bagi mereka yang lama berkhidmat, namun tidak mempunyai PhD.

Akhirnya, ia memberi tekanan kepada golongan terbabit dan menjadikan mereka dalam dilema.

Persoalannya, adakah tanpa PhD, pensyarah berkenaan tidak boleh

mengajar dengan baik? Adakah mempunyai bilangan pensyarah berkelayakan PhD mampu menjamin sesbuah institusi itu cemerlang dalam menjalankan fungsinya?

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Teknologi Mara (UiTM), Profesor Dr Azni Zain Ahmed mengakui PhD bukan ukuran sebenar pensyarah mampu melaksanakan proses pembelajaran, namun tetap menjadi penanda aras kemampuan mengembangkan kepelbagaiannya pengetahuan baru.

Beliau berkata, tidak salah jika pensyarah tanpa PhD mempersoalkan isu itu, namun harus dilihat dalam konteks lebih luas terutama persaingan dan penerokaan ilmu baru tanpa sempadan.

"Isu ini tidak seharusnya menjadi sensitif atau bebanan kepada golongan terbabit kerana mereka adalah pensyarah dalam kelompok kerja profesional.

"Mereka perlu melihatnya dalam konteks dan pandangan lebih luas,




DR AINI...PhD sangat penting.

bukannya mempersoal atau mempertikaikan isu peribadi.

"Tidak dinafikan, pensyarah tanpa PhD mampu mengajar dengan baik, namun percayalah, sedikit sebanyak pasti memberi impak dan mencalarkan imej institusi pengajian," katanya.

Dilema pensyarah tanpa PhD dilihat sebagai satu isu yang dapat mencabar kredibiliti individu serta institusi, selain mewujudkan



GLOBAL...perkembangan global dunia pendidikan hari ini memerlukan pensyarah memiliki pelbagai ilmu untuk perkongsian bersama. - Gambar hiasan

jurang perbezaan tertentu di kalangan kelompok profesional terbabit.

Ada melihat PhD sebagai satu keperluan semasa yang relevan sejarah sistem dan dasar pendidikan tinggi serta era globalisasi.

Ada pula berpendapat, PhD hanya sebagai batu loncatan memperoleh kelebihan lain seperti penentuan pangkat dan gaji.

Beliau berkata, setiap

individu ada pendapat masing-masing, namun masih wujud perbezaan jika ada PhD atau tidak.

"Biar pun aspek itu dilihat subjektif, kelayakan PhD membolehkan mereka menikmati kelebihan termasuk potensi menjalankan tanggungjawab.

"Berseuaian dengan tahap PhD itu sendiri yang bermaksud 'menghasilkan ilmu baru', pasti wujud

perbezaan tahap intelektual.

"Perlu diingat, mereka mengajar di menara gading, bukan sekolah, jadi tahap intelektualnya perlu lebih tinggi bagi mencambah pelbagai ilmu baru," katanya.

Katanya, pengalaman kerja adalah kelebihan dan boleh membantu, malah ada yang lebih baik berbanding pensyarah mempunyai PhD.

"Cuma, dari segi kedudukan akademik, mereka dilihat

Dilema pensyarah tiada PhD

Pengalaman saja tidak dapat penuhi tugas kerana
tidak boleh menyelia pelajar doktor falsafah



masih kurang setara selain peluang menikmati kelebihan lain agak terbatas.

"Saya percaya mereka yang bekerja mahukan yang terbaik dalam kerjayanya, justeru jika kelayakan sedia ada tidak memenuhi syarat ditetapkan, peluang agak sukar," katanya.

Bagaimanapun, masih belum terlewati bagi mereka yang tidak mempunyai PhD membuat anjakan perubahan.

Menurutnya, sejarah hasrat negara menjadi hab pendidikan dunia, peluang melanjutkan pengajian di institusi dalam atau luar negara kini terbuka luas.

"Di institusi sendiri, ada ditawarkan peluang melanjutkan pengajian kepada kakitangan, begitu juga di industri seperti pengenalan MyPhD."

"Tiada sebab mengapa mereka berasa untuk tidak sambung belajar. Kalaualau soal komitmen menjadi penyebab, saya berpendapat itu hanya alasan semata-mata.

"Mereka perlu bersikap pandang ke depan, barulah relevan dengan jawatan pensyarah yang disandang, sekali gus diiktiraf sebagai sumber penyampai ilmu peringkat tinggi," katanya.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia, Profesor Datuk Paduka Dr Aini Ideris berkata, bagi tujuan memartabatkan bidang pendidikan negara dan setanding universiti terkemuka dunia, pensyarah perlu mempunyai kelayakan tertinggi akademik.

Menurutnya, tidak timbul soal diskriminasi kerana mereka tahu kriteria atau garis panduan ketika pelantikan dibuat.

"Pensyarah tanpa PhD, sumbangan mereka dinilai mengikut kriteria, sedikit berbeza termasuk mengambil kira tahun perkhidmatan.



TIADA HALANGAN...bagi mereka yang masih tidak mempunyai kelayakan PhD, tiada halangan menyambung pengajian, sekali gus meletakkan pencapaian diri ke tahap tertinggi. - Gambar hiasan

"Justeru, tidak timbul soal diskriminasi jika menyumbang mengikut garis panduan ditetapkan itu kerana sudah diberi penerangan.

"Ini soal masa depan membabitkan pendidikan tinggi negara, pentingnya kelayakan setara bagi memastikan institusi kita setanding di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau menggariskan tiga tugas hakiki pensyarah iaitu pengajaran dan pembelajaran (termasuk penyeliaan pelajar ijazah sarjana muda, sarjana dan PhD), penyelidikan, penerbitan dan inovasi (termasuk pemfailan paten dan mengeluarkan produk boleh dikomersialkan) dan perkhidmatan profesional dan perundingan.

"Pengalaman saja (tanpa PhD) tidak dapat memenuhi keseluruhan tugas kerana tidak boleh menyelia pelajar PhD.

"Dengan adanya PhD ditambah pengalaman, sudah pasti dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkeyakinan dan berkesan.

"Oleh itu, PhD sangat penting dalam dunia hari ini di mana ilmu berkembang begitu pesat dan pantas," katanya mengakui tiada

halangan bagi mereka yang hampir penghujung perkhidmatan menyambung pengajian hingga PhD.

"Ramai antara mereka yang memperolehnya pada usia lanjut. Tiada halangan cuma mereka perlu pandai menguruskan masa.

"PhD bukan senang kerana banyak cabaran perlu ditempuhi. Jika tidak pandai menguruskan masa, maknanya mereka tidak mampu memperoleh PhD," katanya.

Katanya, kini semua institusi pengajian tinggi awam memerlukan pensyarah mereka mempunyai PhD.

"Ini selari penanda aras seperti universiti terkemuka. Di negara ini, ada universiti melantik pensyarah dengan kelulusan ijazah sarjana dan meneruskan PhD selepas itu.

"Ada pula melantik pensyarah yang berkelulusan PhD dan golongan ini dilantik sebagai pensyarah kanan, iaitu gred lebih tinggi berbanding pensyarah.

"Bagaimanapun, bagi bidang kritikal dan keperluan meruncing, mereka yang belum mempunyai PhD turut dilantik sebagai pensyarah dan seterusnya melanjutkan PhD, sebelum dilantik sebagai pensyarah kanan," katanya.



BOLEH...tanpa PhD, seseorang masih boleh memberi komitmen terbaik sewaktu menjalankan tugas. - Gambar hiasan

Tanggungjawab YB kampus

>>Oleh Roslee Mardan

TERIMA kasih kerana memilih pro-Aspirasi". Begitulah antara petikan ayat yang dilontarkan ikhlas Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2013, baru-baru ini.

Ucap penghargaan spontan beliau itu membuktikan harapan seorang pemimpin nombor satu negara kepada kepimpinan anak muda terus menjadi pendukung kesinambungan kepimpinan negara.

Daripada 20 IPTA yang melaksanakan pilihan raya kampus, baru-baru ini, 18 daripadanya memilih kepada calon prokerajaan.

Bagi penganalisis politik dan pemerhati sosial, sungguhpun dengan kehangatan isu pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang (konzonnya) dibimbangi menghangatkan pilihan raya kampus, pilihan raya IPTA berjalan serentak membuktikan sebaliknya.

Beberapa universiti yang menjadi kubu kuat calon pro-Mahasiswa tewas kepada calon pro-Aspirasi.

Namun, isunya bukanlah kalah menang tetapi keputusan ini satu ujian serta cabaran besar kepemimpinan pelajar di semua IPTA.

Dikatakan bahawa keputusan pilihan raya kampus yang diadakan hampir serentak di semua IPTA adalah realiti gambaran yang dijadikan kayu ukur mengenai kecenderungan penerimaan orang muda terhadap pembaharuan kerajaan pemerintah.

Bagi penulis, walau dengan apa label sekalipun, sama ada mereka ini prokerajaan atau propembangkang dan mungkin 'atas pagar', hakikatnya mahasiswa yang diangkat menjadi Yang Berhormat (YB) kampus kini menggalas satu tanggungjawab berat ke arah merealisasikan aspirasi dan harapan warga menara gading.

Gelaran YB kampus bukan sesuatu yang boleh dibanggakan hanya disebabkan mencapai populariti menjadi 'orang penting' dalam universiti.

Di sebalik kemenangan itu, janji dan manifesto harus ditepati setiap penyandang jawatan dalam barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Ini menuntut kepada kematangan, daya fikir baik, semangat tinggi, idea berasa serta tindakan konsisten yang berpaksikan kepada kualiti pencapaian.

Barisan kepimpinan MPP yang baru dilantik perlu bekerja keras, memastikan pembangunan mahasiswa di kampus menepati acuan dasar universiti dan mengikut landasan pembangunan modal insan yang digariskan kerajaan.

Kepimpinan MPP harus menjadi wadah yang berguna kepada warga kampus dalam menyuarakan hak keperluan ketika belajar di universiti.

Walaupun dalam beberapa keadaan kedengaran isu di mana barisan kepimpinan MPP yang terlalu idealis 'mengganggu' dasar universiti dan kerajaan, pendekatan berhemah seharusnya dipraktikkan agar dapat membentuk penyelesaian yang memanfaatkan seluruh warga kampus tanpa mencetuskan konflik.

Inilah yang dikatakan pemimpin pelajar sebagai penghubung antara mahasiswa, universiti dan kerajaan. 'Darah muda' bukan lagi pegangan mitos yang seharusnya dijadikan alasan untuk berkelakuan kurang matang, terburu-buru dan kurang pertimbangan.

Penulis percaya seorang mahasiswa tidak ingin menjadi pemimpin jika belum berupaya berfikir atau bersedia ke arah itu.

Sudah tentu mereka berganjak dalam satu ruang kematangan iaitu berani mendepani risiko masa depan. Namun, halangan biasa kepada kematangan mahasiswa adalah emosi dan keinginan melampaui yang melangkaui rasionalisme.

Oleh itu, idealisme yang mereka zahirkan kadangkala mencacatkan norma yang diterima umum masyarakat.

Kita berbangga kerana bermula di peringkat universiti, mereka cenderung menjadi pemimpin kerana tidak ramai yang dilahirkan

berbakat untuk menjadi seorang pemimpin.

Oleh itu, bagi mahasiswa yang kini bergelar pemimpin, mereka memilih pemimpin sebagai wajah, oleh itu harus bertanggungjawab atas pilihan dibuat.

Seorang pemimpin pelajar bukan sekadar mahir bertanggungjawab, malah lebih penting keupayaan mempertimbangkan sesuatu persoalan bersandarkan ilmu yang ada untuk merealisasikan tanggungjawab dipulih.

Syarat utama adalah dengan adanya ilmu pengetahuan mencukupi. Ilmu yang mencukupi bagi memastikan hasil tindakan tidak tersasar jauh daripada pemikiran seorang pemimpin.

Bagi seorang pemimpin, terlepasnya satu elemen ilmu yang berpotensi mencetuskan perubahan besar kepada masa depan, ia kerugian kepada dirinya.

Rasionalisme pemikiran dalam diri seorang pemimpin mahasiswa harus diusahakan melalui ilmu yang sahih agar cara berfikir membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan mendak.

Pemimpin mahasiswa perlu sentiasa membina personaliti supaya terus konsisten menjadi seorang pemimpin berkarsa, disegani dan dihormati.

Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah berkata: "Membentuk sesuatu matlamat atau wawasan adalah perkara amat mudah. Siapa saja boleh mencipta cita-cita besar. Tapi di antara cita-cita atau wawasan dengan kemampuan mencapainya terdapat lurah yang amat dalam dan lebar serta rintangan amat besar."

● Penulis Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Utara Malaysia.

● Warga kampus yang mempunyai pandangan mengenai pelbagai isu semasa boleh menghantarnya ke ruangan ini dan e-mel kepada rhuaziarusmin@hmetro.com.my